

PENGENALAN "UNTUNG"

Kamus Harrap's Dictionary of Business Finance: Lebihan wang yang diperolehi oleh firma selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun

Menurut Kamus Dewan: Hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan

Bahasa Indonesia: seerti dengan perkataan laba

Bahasa Inggeris: profit

Ekonomi: sejumlah bayaran kepada faktor - faktor pengeluaran setelah ditolak daripada pendapatan bagi hasil keluaran sesebuah syarikat

JENIS - JENIS UNTUNG

Untung Kasar: Lebihan daripada tolakan yang berkait langsung dengan pengiraan sesuatu

Untung Bersih: Diperolehi setelah ditolak dengan pulangan implisit yang menghasilkan untung asli

Untung Normal: Sepadan dengan kadar pulangan yang merupakan kadar minimum yang diperlukan oleh pelabur untuk mengekalkan tingkat pelaburan pada masa akan datang

TAMBAHAN PENGENALAN UNTUNG

Perakaunan: Terhasil daripada pengeluaran pelbagai kos yang dibelanjakan daripada hasil jualan yang diperolehi

Kos Perbelanjaan: Meliputi perbelanjaan untung barang mentah, pembayaran upah, faedah dan lain - lain

Secara Ringkas: Perbezaan nilai wang daripada hasil jualan yang diperolehi dengan seluruh kos yang dibelanjakan

UNTUNG MENURUT PERPEKSTIF ISLAM

Bahasa Arab: -Disebut Al- Ribh berasal daripada kata dasar rabiha yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan

UNTUNG MENURUT PERPEKSTIF ISLAM

Segi Bahasa: -Disebut Al- Ribh berasal daripada kata dasar rabiha yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan-

Bahasa Arab: Lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada 2 unsur iaitu usaha dan modal

SURAH AL - BAQARAH (2:16)

" Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak **BERUNTUNGLAH** perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk" (Majoriti ahli tafsir memberikan takrifan untung berdasarkan surah Al - Baqarah ayat 16)

AHLI TAFSIR

Imam Al -Tabari: Keuntungan merupakan pertukaran suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama nilai atau melebihi harga belian barang itu. Kalau nilai pertukaran itu kurang daripada harga belian maka ia rugi

Al - Nisaburi: Keuntungan merupakan suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan

Al - Qurtubi: Maksud untung dalam surah Al - Baqarah menunjukkan kepada orang arab yang sering mengungkapkan ayat "rabaha bai'uka atau khasarat safaqtuka yang bermaksud kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu"

Imam Al - Alusi: Sama pendapat dengan Al - Nisaburi

Rashid Rida (Tafsir al - Manar): Orang - orang munafik lebih suka memilih kesesatan daripada kebenaran untuk mencipta keuntungan daripada orang lain melalui kaedah pertukaran antara kedua - dua pihak untuk mendapatkan keuntungan



By aisayahrahman

cheatography.com/aisayahrahman/

Published 9th July, 2020.

Last updated 9th July, 2020.

Page 1 of 3.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

AHLI TAFSIR (cont)

Ringkasan	Matlamat peniaga untuk
Pandangan	mendapatkan semula modal
Ahli Tafsir	yang disumbangkan serta meraih keuntungan

MENURUT PARA FUQAHA

Pengertian Keuntungan	Zakat dan Al - Murabahah
Zakat	Keuntungan merupakan pertambahan ke atas modal dan ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat
Imam Al - Mawardi	Zakat dikenakan ke atas harta yang berkembang
Ibn Qudamah	Harta yang berpotensi untuk berkembang merupakan barang perniagaan yang ada potensi untuk dapat untung, haiwan dan juga buah - buahan yang cukup hawl dan nisab bagi setiap jenis
Al - Kasani	Takkan diperoleh kecuali dengan harta yang berkembang
Al - Murabahah	Kontrak jual beli dengan harga pertama beserta tambahan keuntungan yang ditentukan dan disepakati antara kedua - dua pihak pelaku kontrak

MENURUT PARA FUQAHA (cont)

Al - Mudarabah	Suatu kontrak antara 2 orang atau lebih untuk berkongsi keuntungan tanpa berkongsi dalam modal
Imam Malik	Untung dianggap berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan atau tidak
Dr Muhammad Salah	Untung merupakan matlamat asasi bagi firma untuk melibatkan proses penajaan untung seperti jual beli
Bapa Ekonomi (Ibn Khaldun) dalam kitabnya	Untung ialah nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia
Untung Perniagaan	Usaha mewujudkan pertambahan harta dengan membeli barang dengan harga murah lalu menjualnya dengan harga mahal. Jumlah pertambahan itu dikira sebagai untung

MENURUT PARA FUQAHA (cont)

Ahli Ekonomi Islam	Untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas dengan syarat undang - undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan - kawalan lain tidak campur tangan dalam sistem jualan dan belian, pengeluaran komoditi serta pasaran persaingan monopoli tidak dibenarkan mempengaruhi pasaran serta tidak berlaku keadaan darurat yang memberi kesan kepada pasaran
--------------------	---

KRITERIA KEUNTUNGAN

Bukan berasal daripada perbuatan riba
Bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta
Bukan daripada perbuatan penipuan
Bukan daripada perbuatan al - Ihtikar

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN (PENDEKATAN FUQAHA')

Keuntungan	Al - Ghabn Al - Fahisy
	Al -Ghabn Al - Yasir



By **aisyahrahman**

cheatography.com/aisyahrahman/

Published 9th July, 2020.
Last updated 9th July, 2020.
Page 2 of 3.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
<http://crosswordcheats.com>

2 PENDEKATAN DALAM MENENTUKAN UKURAN

Menggunakan ukuran tetap (al - miyar al - jamid)

Menggunakan ukuran yang fleksibel (al - miyar al- marin)

UKURAN YANG TETAP

Ulama Membezakan 2 bentuk keuntungan ini dengan meletakkan nisbah atau kadar yang tetap

Al - Khajjadi (Golongan Hanafi) Melihat ghabn al- fahisy pada takat melebihi nisf al -usyur manakala ghabn al- yasir tidak melebihi atau tetap (nifl al- usyur)

Ibn Yahya al - Bakhi Al - ghabn pada barang perniagaan: nifl al- usyur, pada haiwan: al - usyur (satu persepuluh) & pada barangan tak alih: sebanyak al - khumus (satu perlima)

Golongan Maliki Meletakkan kadar al - thuluth (satu pertiga) atau lebih sebagai al ghabn al- fahisy

Golongan Syafi'i Al ghabn al - fahisy berlaku ketika kadar keuntungan yang diambil: melebihi al -thuluth (satu pertiga)

Golongan Hanbali Al ghabn al- fahisy pada kadar al - thuluth (satu pertiga) atau al- sudus (satu perenam)

Al - Mardawi Melebihkannya contohnya al - rubu' (satu perempat)

UKURAN YANG TETAP (cont)

Golongan al - Ibadiyyah Menetapkan kadar al- thuluth (satu pertiga) atau lebih kerana beliau menganggap lebihan yang wujud merupakan al ghabn al fahisy

UKURAN YANG FLEKSIBEL

Ibn Abidin Suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pentaksir (al- muqawwin). Sekiranya keuntungan melebihi taksiran, maka untung tersebut dikira sebagai al ghabn al - fahisy

Sebahagian Ulama dari kalangan Maliki Mereka berbeza pandangan dalam penetapan kadar al ghabn sama ada pada kadar satu pertiga atau lebih

Ada yang mengatakan tidak ada had tetapi ia disandarkan pada kebiasaan yang berlaku sesama peniaga

Jika sering berlaku al - taghabun (saling melakukan) sesama mereka maka tiada pilihan bagi al- maghabun (mangsa keadaan). Tetapi kalau berlaku di luar kebiasaan al - maghabun mempunyai pilihan

UKURAN YANG FLEKSIBEL (cont)

Al - Mardawi Nisbah atau keuntungan al ghabn mengambil kira al - uruf kebiasaan dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi

Nisbah itu hendaklah sedikit agar pulangan modal dapat diperoleh dengan senang



By aisyahrahman

cheatography.com/aisyahrahman/

Published 9th July, 2020.

Last updated 9th July, 2020.

Page 3 of 3.

Sponsored by CrosswordCheats.com

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>